

PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM HONG LEONG – PROMOSI PEMEROLEHAN

Dikemaskini pada 16 Oktober 2019

TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) melancarkan “Pembiayaan Margin Saham Hong Leong–Promosi Pemerolehan” (“**Promosi**”) pada 01 Oktober 2019 dan berakhir pada 31 Mac 2020, termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Promosi**”).

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

1. Promosi terbuka untuk penyertaan oleh semua Pelanggan HLB yang baharu atau sedia ada yang merupakan warganegara Malaysia atau warganegara bukan Malaysia tetapi memperoleh status Penduduk Tetap di Malaysia dan menetap di Malaysia selama lebih daripada 182 hari (“**Pelanggan**”) dan memenuhi kriteria berikut:-
 - i. Berumur antara 21 dan 65 tahun; dan
 - ii. Permohonan baharu untuk Kemudahan Pembiayaan Margin Saham semasa Tempoh Promosi dengan saiz pinjaman minima sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) (“**Kemudahan**”).
2. Yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Promosi ini:-
 - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
 - ii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.
 - iii. Pelanggan yang membuat permohonan Kemudahan baharu untuk membeli saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dan Penawaran Awam Permulaan (IPO).
 - iv. Pelanggan yang mempunyai Kemudahan sedia ada sebelum Tempoh Promosi membuat permohonan baharu semasa Tempoh Promosi untuk meningkatkan had Kemudahan sedia ada.
 - v. Pelanggan sedia ada yang menamatkan Kemudahan terdahulu dan memohon Kemudahan baharu di bawah Promosi ini sebelum genap satu (1) tahun dari tarikh penamatan kemudahan terdahulu.
 - vi. Kakitangan tetap dan kontrak HLB/HLISB.
3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak dikehendaki melaksanakan dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan seperti di bawah:-
 - i. Memohon Kemudahan semasa Tempoh Promosi di mana-mana cawangan HLB.
 - ii. Pelanggan Layak yang telah memohon Kemudahan dalam Tempoh Promosi mesti menerima Kemudahan tersebut selewat-lewatnya pada 30 April 2020 supaya layak untuk Rebat Faedah (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausula 5). Tempoh penangguhan selama satu (1) bulan diberikan dari tarikh luput Tempoh Promosi khususnya untuk tujuan membolehkan Pelanggan Layak menerima Kemudahan bagi permohonan yang telah dibuat semasa Tempoh Promosi.
 - iii. Pelanggan mesti menggunakan Kemudahan dalam masa tiga (3) bulan dari Tarikh Penerimaan Kemudahan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 5 di bawah) supaya layak untuk Rebat Faedah.
 - iv. HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak layak menyertai Promosi disebabkan Pelanggan Layak gagal melaksanakan dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 3 (i), 3 (ii) dan 3 (iii), atas apa jua sebab.

Pelanggan Layak berkewajipan untuk menjelaskan semua caj yang dikenakan bagi pembukaan Kemudahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran duti setem dan fi guaman untuk Perjanjian Kemudahan dan dokumen lain yang berkaitan) dengan segera.

MEKANIK PROMOSI

4. Kadar Faedah

- Pelanggan Layak berhak mendapat Kadar Faedah pada Kadar Asas (BR) tambah 1.17% setahun (iaitu BR + 1.17% setahun) bagi sepanjang tempoh Kemudahan atas Kemudahan yang diberikan semasa Promosi ("**Kadar Faedah**").

5. Rebat Faedah

- Pelanggan Layak berhak mendapat rebat faedah secara berperingkat berdasarkan Kadar Purata Penggunaan Bulanan* seperti yang dilampirkan di dalam jadual ("**Rebat Faedah**") selama tiga (3) bulan berikutnya dari tarikh Penerimaan Kemudahan tersebut ("**Tarikh Penerimaan Kemudahan**"). Rebate Faedah akan dikenakan atas faedah bulanan yang dikenakan ke atas Kemudahan.

Kadar Purata Penggunaan Bulanan	Rebat Faedah			
	Bulan 0	Bulan 1	Bulan 2	Bulan 3
0% - 15%	6%			
Melebihi 15% - 50%	36%			
Melebihi 50%	60%			

- Kadar Purata Penggunaan Bulanan bermaksud purata tertunggak pada setiap had Kemudahan.
 - Bulan 0 merujuk kepada Tarikh Penerimaan Kemudahan sehingga hujung bulan tersebut.
 - Rebate Faedah untuk setiap bulan akan dibayar balik ke dalam Akaun Kemudahan Pelanggan Layak pada hujung bulan berikutnya. Rebate Faedah akan ditunjukkan dalam Penyata Bulanan Kemudahan.
6. Ilustrasi pengiraan Rebate Faedah bagi tiga (3) bulan pertama dari Tarikh Penerimaan Kemudahan dilampirkan dalam jadual di bawah:

Contoh:

- Kemudahan Margin Saham: RM100,000
- Kadar Faedah: BR + 1.17% p.a.
- Tarikh Penerimaan Kemudahan: 24 Oktober 2019.

Tempoh	Kadar Purata Penggunaan (%)	Faedah yang Dikenakan (RM)	Rebat Faedah (%)	Jumlah Rebate Faedah (RM)
Bulan 0: 24-31 Oct 2019	6%	6.64	6%	0.40
Bulan 1: 01-30 Nov 2019	80%	332.05	60%	199.23
Bulan 2: 01-31 Dec 2019	20%	85.78	36%	30.88
Bulan 3: 01-31 Jan 2020	20%	85.78	36%	30.88
Total		510.25		261.39

* Angka di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

UMUN

7. Promosi ini TIDAK sah digunakan bersama-sama promosi lain yang berkaitan dengan Pembiayaan Margin Saham yang sedang dilangsungkan atau ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa, melainkan jika diberitahu sebaliknya.

8. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan HLB bersetuju:-
 - i. telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
 - ii. untuk melayari laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
 - iii. semua rekod Pelanggan yang dirakamkan oleh sistem HLB untuk Promosi ini adalah tepat dan muktamad;
 - iv. bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara berkaitan dengan Promosi, termasuk kelayakan pelanggan untuk menyertai Promosi dan kelulusan Kemudahan itu adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
 - v. bahawa Rebat Faedah tidak boleh dipindahmilik dan tidak boleh ditukar dengan tunai, cek dan lain-lain;
 - vi. semua permohonan Kemudahan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan HLB.
9. HLB berhak:
 - i. menolak permohonan Kemudahan mengikut budi bicara mutlakinya tanpa memberitahu alasan;
 - ii. melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap sesuai oleh HLB atas budi bicara mutlakinya;
 - iii. menambah, menggugur, memadam atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya mengikut budi bicara mutlakinya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan atas sebarang penambahan, penghapusan atau pindaan.
10. Semua Terma dan Syarat, peraturan-peraturan sedia ada yang tertakluk pada Pembiayaan Margin Saham harus dipatuhi.
11. Pelanggan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai, bayaran kerajaan atau caj- caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
12. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi, terma dan syarat terakhir di Laman Web HLB akan diutamakan.
13. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk lebih daripada seorang dan begitu juga sebaliknya.